



UDA SALUR ZAKAT BERJUMLAH RM30,000 KEPADA SYRIA CARE DAN 2 PUSAT KEBAJIKAN

Kuala Lumpur, 6 September – UDA Holdings Berhad (UDA), syarikat hartanah dan pengurusan aset yang mampan di Malaysia sentiasa peka dan prihatin dengan membantu golongan memerlukan. Salah satu usaha murni yang diambil adalah menyalurkan bantuan zakat kepada golongan asnaf. Sebanyak RM30,000 disalurkan ke tiga buah institusi dengan setiap satunya menerima RM10,000. Tiga buah insitusi yang menerima sumbangan zakat itu adalah Pertubuhan Kebajikan Ar Rahmaniah, Rasa, Selangor, Pusat Jagaan Rumah Kesayangan, Petaling Jaya, Selangor dan Syria Care di Shah Alam, baru baru ini.

Pengarah Urusan Kumpulan UDA, Datuk Ahmad Abu Bakar berkata, “UDA sentiasa mengambil langkah murni menyantuni golongan memerlukan dan menghulurkan bantuan.

“Sumbangan zakat ini bukan saja dapat meringankan beban tapi dalam masa yang sama mengeratkan hubungan serta mewujudkan keharmonian. Usaha tahunan CSR ini juga seiring dalam mengimbangkan perkembangan perniagaan kerana UDA tidak hanya fokus menyediakan perkhidmatan bertaraf antarabangsa tapi turut mengambil berat dan mendekati golongan memerlukan. Pendapatan optimum yang dijana turut dikongsi dengan golongan memerlukan,” katanya.

Penyerahan zakat disempurnakan oleh Ketua Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan UDA, Puan Radziah Mohamed Fadzil ketika membuat kunjungan mesra bersama-sama

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan ke ketiga-tiga institusi dan menyerahkan cek sumbangan.

Pertubuhan Kebajikan Ar Rahmaniah yang terletak di Taman Keruing, Rasa, Selangor ini dihuni 40 kanak-kanak berusia sekitar 7 tahun hingga 18 tahun (25 kanak-kanak perempuan dan 15 kanak-kanak lelaki). Segala sumbangan yang diterima pertubuhan ini kebiasaannya digunakan untuk membeli makanan dan perbelanjaan sekolah. Pusat Jagaan Rumah Kesayangan pula menjadi tempat perlindungan bagi 30 kanak-kanak perempuan. Ditubuhkan pada akhir 2009, rumah ini dihuni anak yatim dan fakir miskin dalam lingkungan 6 tahun hingga 12 tahun.

Syria Care adalah sebuah pertubuhan tempatan yang menyalurkan sumbangan kepada penduduk Syria yang memerlukan. Pelbagai jenis bantuan disalurkan antaranya keperluan asas seperti makanan dan tempat tinggal, keperluan pendidikan untuk kanak-kanak, susu serta bantuan untuk musim sejuk seperti pakaian dan selimut. Syria Care turut menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim di Syria yang kehilangan ibu bapa pergolakan yang berlaku.

TAMAT

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA), merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan terkemuka di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri pelancongan. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di www.uda.com.my. Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- Latifah Osman (Lat) | lat@udanet.com | +6012 291 5427
- Nor Hanisah Kamaruzaman (Nisa) | n.hanisah@udanet.com | +6013 597 4264

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan
UDA Holdings Berhad, Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.
Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855